



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 39
No. 26

28hb Disember 1995

TAMBAHAN No. 87
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 444.

AKTA AKADEMI SAINS MALAYSIA 1994

PERATURAN-PERATURAN AKADEMI
SAINS MALAYSIA 1995

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

KEANGGOTAAN AKADEMI

3. Keanggotaan.
4. Pemilihan *Fellow*.
5. Perlantikan *Fellow* Kanan.

Peraturan

6. Pemilihan *Fellow* kehormat.
7. Pemberhentian keanggotaan.

BAHAGIAN III

MESYUARAT AGUNG

8. Mesyuarat Agung.
9. Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa.
10. Mesyuarat Agung Biasa.

BAHAGIAN IV

MAJLIS

11. Pemilihan dan perlantikan anggota-anggota Majlis.
12. Kuasa dan kewajipan Majlis.
13. Terhenti sebagai anggota Majlis.
14. Kewajipan Setiausaha Agung.
15. Kewajipan Bendahari.
16. Kewajipan-kewajipan lain.

BAHAGIAN V

KEWANGAN

17. Kumpulan Wang.
18. Akaun bank.
19. Akaun Akademi.
20. Juruaudit.
21. Perbelanjaan perjalanan anggota.
22. Tahun kewangan.

BAHAGIAN VI

PINDAAN PERATURAN-PERATURAN

23. Kuasa Majlis untuk membuat peraturan-peraturan.

AKTA AKADEMI SAINS MALAYSIA 1994

PERATURAN-PERATURAN AKADEMI
SAINS MALAYSIA 1995

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 22 Akta Akta 524.
Akademi Sains Malaysia 1994, Majlis Akademi Sains Malaysia,
dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Akademi Sains Malaysia 1995** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Februari 1995. Nama dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“Ahli Akademi” ertinya *Fellow* Akademi Sains Malaysia yang telah dilantik sebagai *Fellow* Kanan;

“F.A. Sc.” ertinya “*Fellow* Akademi Sains Malaysia”;

“*Fellow*” ertinya *Fellow* Akademi Sains Malaysia;

“Presiden” ertinya Presiden Akademi Sains Malaysia.

BAHAGIAN II

KEANGGOTAAN AKADEMI

3. (1) Anggota-anggota Akademi hendaklah terdiri daripada *Fellow* dan *Fellow* Kehormat. Keanggotaan.

(2) Hanya warganegara Malaysia layak menjadi *Fellow*.

(3) Seseorang *Fellow* berhak menggunakan singkatan “F.A. Sc.” selepas namanya.

4. (1) Pemilihan *Fellow* hendaklah diadakan di Mesyuarat Agung Tahunan Akademi. Pemilihan Fellow.

(2) Bilangan *Fellow* yang hendak dipilih dalam mana-mana tahun kalendar hendaklah ditentukan dari semasa ke semasa oleh Majlis.

(3) *Fellow* hendaklah dilantik oleh majoriti dua per tiga daripada *Fellow* yang hadir dan mengundi.

(4) Majlis hendaklah menentukan prosedur bagi penamaan dan pemilihan *Fellow*.

Perlantikan
Fellow Kanan.

5. (1) Majlis boleh melantik, daripada kalangan *Fellow* Akademi, *Fellow* Kanan yang hendaklah layak digelar sebagai "Ahli Akademi".

(2) Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 10(4) Akta, perlantikan *Fellow* Kanan oleh Majlis hendaklah berasaskan syor suatu panel khas yang terdiri daripada Presiden, Setiausaha Agung dan tiga bukan anggota Akademi yang dilantik oleh Menteri.

(3) Tempoh panel khas di bawah subperaturan (2) hendaklah bagi tempoh tiga tahun.

(4) Pengerusi panel khas tidaklah boleh seorang anggota Akademi.

(5) Majlis hendaklah menetapkan prosedur bagi penamaan *Fellow* Kanan.

Pemilihan
Fellow Kehormat.

6. (1) Majlis boleh menamakan bagi pemilihan sebagai *Fellow* Kanan, di suatu Mesyuarat Agung Tahunan, seseorang yang memberi sumbangan yang cemerlang kepada penggunaan sains, teknologi, kejuruteraan atau teknologi.

(2) Seseorang calon yang namanya telah dikemukakan bagi pemilihan sebagai *Fellow* Kehormat di suatu Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah memerlukan, bagi pemilihannya, kelulusan sekurang-kurangnya dua per tiga daripada *Fellow* yang hadir dan mengundi.

(3) Majlis hendaklah menetapkan prosedur bagi penamaan dan pemilihan *Fellow* Kehormat.

Pemberhentian
keanggotaan.

7. (1) Seorang anggota yang berhasrat untuk berhenti daripada Akademi hendaklah memberi notis satu bulan kalendar secara bertulis bagi maksud itu kepada Setiausaha Agung.

(2) Jika, pada pendapat Majlis, seseorang anggota—

(a) telah enggan atau cuai mematuhi peruntukan-peruntukan Akta dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya; atau

(b) adalah bersalah kerana kelakuan yang tak wajar bagi seorang anggota atau yang memudaratkan kepentingan Akademi,

Majlis boleh membuat resolusi supaya keanggotaannya ditamatkan oleh Akademi.

(3) Majlis hendaklah menentukan prosedur bagi penamatan keanggotaan.

BAHAGIAN III

MESYUARAT AGUNG

8. Mesyuarat Agung Akademi hendaklah terdiri daripada Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Agung Luar Biasa dan Mesyuarat Agung Biasa. Mesyuarat Agung.

9. (1) Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan tidak lewat daripada 30 April setiap tahun kalendar dan di sekian masa dan tempat sebagaimana ditetapkan oleh Majlis. Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa.

(2) Urusan Mesyuarat Agung Tahunan adalah mengenai—

- (a) pemilihan anggota-anggota Majlis;
- (b) pemilihan anggota-anggota;
- (c) penyerahan dan penerimaan Laporan Tahunan dan Pernyataan Akaun Akademi yang teraudit bagi tahun kewangan terdahulu;
- (d) perlantikan juruaudit untuk mengaudit akaun-akaun bagi tahun yang berikutnya;
- (e) penetapan saraan bagi juruaudit-juruaudit bagi tahun yang berikutnya; dan
- (f) apa-apa urusan lain yang telah dinyatakan dalam notis Mesyuarat Agung Tahunan.

(3) Suatu Mesyuarat Agung Luar Biasa boleh dipanggil pada bila-bila masa oleh Majlis dan hendaklah dipanggil oleh Majlis atas permintaan yang ditandatangani oleh tidak kurang daripada satu perlima daripada jumlah bilangan *Fellow* Akademi.

(4) Jika Majlis tidak dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan permintaan memanggil dengan sewajarnya suatu Mesyuarat Agung Luar Biasa, anggota-anggota yang meminta mesyuarat itu diadakan boleh, di antara mereka, dalam tempoh tiga puluh hari berikutnya, memanggil Mesyuarat.

(5) Tiada urusan boleh dijalankan di suatu Mesyuarat Agung Luar Biasa selain daripada yang telah dinyatakan dalam notis Mesyuarat Agung Luar Biasa.

(6) Semua anggota adalah berhak hadir di suatu Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa dan mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian itu tetapi hanya *Fellow* layak mengundi tentang apa-apa urusan.

(7) Tiada urusan boleh dijalankan di suatu Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa melainkan jika terdapat kuorum seramai dua puluh *Fellow* yang hadir pada masa bila mesyuarat mula berbincang mengenai urusan.

(8) Jika dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan bagi suatu Mesyuarat Agung Tahunan suatu kuorum tidak mencukupi, mesyuarat itu hendaklah dibubarkan. Ia hendaklah tetap tertangguh sehingga hari yang sama minggu hadapan pada masa dan tempat yang sama atau pada hari dan masa yang lain sebagaimana ditentukan oleh Majlis. Jika di mesyuarat yang tertangguh itu kuorum tidak mencukupi dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan bagi mesyuarat itu *Fellow* yang hadir hendaklah membentuk suatu kuorum.

(9) Jika dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Luar Biasa kuorum tidak mencukupi, mesyuarat itu hendaklah dibubarkan.

(10) (a) Presiden hendaklah menjadi pengerusi di tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa.

(b) Jika Presiden tak hadir atau jika Presiden tidak hadir dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan bagi mengadakan Mesyuarat itu atau tidak mahu bertindak, Naib Presiden hendaklah menjadi pengerusi Mesyuarat itu.

(c) Jika Naib Presiden tidak hadir dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan bagi mengadakan mesyuarat atau tidak mahu bertindak, *Fellow* yang hadir hendaklah memilih seorang daripada bilangan mereka untuk menjadi pengerusi Mesyuarat.

(11) Di mana-mana Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa, suatu resolusi, yang dikemukakan untuk pengundian di Mesyuarat, hendaklah diputuskan melalui tunjuk tangan melainkan jika pembuangan undi diminta sama ada oleh Pengerusi atau oleh sekurang-kurangnya sepuluh *Fellow* yang hadir sendirinya.

(12) Melainkan jika pengundian diminta sebagaimana dalam subperaturan (11), suatu perisytiharan oleh pengerusi bahawa suatu resolusi telah, melalui tunjuk tangan, telah diluluskan dengan sebulat suara atau diluluskan oleh suatu majoriti tertentu atau tidak diluluskan oleh suatu majoriti tertentu dan dicatatkan dengan sewajarnya dalam buku mengandungi minit prosiding Akademi adalah keterangan konklusif fakta tanpa perlu membuktikan butir-butir bilangan atau nisbah undi yang direkodkan yang menyokong, atau menentang, resolusi itu.

(13) Jika pengundian diminta dengan sewajarnya ianya hendaklah diadakan mengikut cara sebagaimana yang pengerusi arahkan dan keputusan pengundian hendaklah menjadi resolusi Mesyuarat di mana pengundian itu diminta. Walau bagaimana pun suatu pengundian yang diminta atas pemilihan seseorang pengerusi hendaklah diadakan serta-merta.

(14) Dalam hal kesamarataan undi sama ada melalui tunjuk tangan atau melalui pengundian, pengerusi mesyuarat hendaklah layak bagi undi kedua atau pemutus.

(15) Suatu notis secara bertulis, mengenai sesuatu Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa, menyatakan tarikh, tempat dan masa Mesyuarat itu dan termasuk suatu agenda yang memberikan isi urusan am atau khas yang akan dijalankan di mesyuarat itu, hendaklah diberikan kepada setiap anggota tidak kurang daripada dua puluh lapan hari sebelum tarikh mesyuarat itu.

10. Sesuatu Mesyuarat Agung Biasa Akademi hendaklah diadakan pada tarikh, tempat dan masa yang ditetapkan oleh Majlis untuk membincangkan perkara-perkara oleh Majlis untuk membincangkan perkara-perkara saintifik, kejuruteraan atau teknologi, atau perkara-perkara lain yang berkenaan dengan anggota-anggota dan hendaklah terbuka kepada semua *Fellow*, *Fellow* Kehormat dan orang-orang lain sebagaimana ditentukan oleh Majlis.

Mesyuarat
Agung Biasa.

BAHAGIAN IV

MAJLIS

11. (1) Kecuali bagi jawatan Presiden, seseorang *Fellow* Akademi boleh memegang jawatan sebagai seseorang anggota Majlis berikutan dengan:

Pemilihan
dan
perlantikan
anggota-
anggota Majlis.

- (a) pemilihannya sebagai Naib Presiden, Setiausaha Agung atau Bendahari, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh *Fellow* di suatu Mesyuarat Agung Tahunan;
- (b) pemilihan sebagai dua belas anggota lain Majlis oleh *Fellow* di suatu Mesyuarat Agung Tahunan; atau
- (c) suatu perlantikan oleh Presiden untuk mengisi suatu kekosongan biasa.

(2) Prosedur bagi penamaan dan pemilihan anggota-anggota Majlis hendaklah diputuskan oleh Majlis.

12. (1) Urusan Akademi hendaklah diuruskan oleh dan terletak pada Majlis yang boleh menjalankan semua kuasa-kuasa Akademi sebagaimana diperuntukkan dalam Akta.

Kuasa dan
kewajipan
Majlis.

(2) Majlis hendaklah mengambil kerja dan menamatkan pengajian semua pegawai dan pengkhidmat Akademi sedemikian sebagaimana difikirkan perlu dan hendaklah menetapkan gaji mereka dan syarat-syarat perkhidmatan dan mengawal selia kewajipan mereka.

(3) Majlis hendaklah menyenggara suatu daftar anggota, yang dalamnya hendaklah tertulis nama kesemua anggota Akademi.

(4) Majlis hendaklah menyebabkan suatu rekod bertulis dibuat mengenai—

- (a) semua perlantikan pegawai dan pengkhidmat sebagai pekerja Akademi;
- (b) semua nama anggota yang hadir di semua mesyuarat Akademi dan Majlis; dan
- (c) semua prosiding dan semua mesyuarat Akademi dan Majlis.

(5) Minit hendaklah ditandatangani sebagai rekod yang betul oleh pengerusi mesyuarat yang mana prosiding diadakan atau oleh pengerusi mesyuarat yang berikutnya.

(6) Majlis hendaklah melantik jawatankuasa kerja dan kumpulan kerja, sebagaimana dan apabila difikirkan perlu, untuk memudahkan pengendalian Akademi dengan efisien dan berkesan. Majlis hendaklah menyediakan prosedur bagi penjalanan jawatankuasa kerja dan kumpulan kerja.

(7) Majlis hendaklah bermesyuarat pada masa dan tempat sebagaimana ditetapkan dari semasa ke semasa olehnya dan, dalam ketiadaan apa-apa penetapan sedemikian, pada masa dan di tempat sebagaimana Setiausaha Agung, atas arahan Pengerusi, hendaklah memberitahu kepada anggota-anggota Majlis itu.

(8) Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali dalam setiap tahun kalendar.

(9) Lapan anggota Majlis yang hadir dengan sendirinya membentuk suatu kuorum.

(10) Di tiap-tiap mesyuarat Majlis, Presiden hendaklah menjadi pengerusi tetapi jika Presiden tidak mahu bertindak atau tidak hadir, Naib Presiden hendaklah mempengeruskannya. Jika Naib Presiden tidak mahu bertindak atau tidak hadir, anggota-anggota yang hadir boleh memilih seorang di antara kalangan mereka sebagai pengerusi mesyuarat dengan syarat bahawa terdapat suatu kuorum.

(11) Suatu keputusan majoriti anggota-anggota Majlis yang hadir dan mengundi di mana-mana mesyuarat Majlis hendaklah disifatkan sebagai keputusan Majlis.

(12) Pengerusi atau anggota yang mempengerusikan mana-mana mesyuarat majlis hendaklah mempunyai undi asal dan pemutus.

(13) Apa-apa tindakan yang dilakukan di mana-mana mesyuarat anggota-anggota majlis atau oleh mana-mana orang yang bertindak sebagai anggota Majlis hendaklah, walau pun didapati kemudiannya terdapat kecacatan dalam perlantikan mana-mana anggota Majlis sedemikian atau orang yang bertindak seperti yang disebut terdahulu atau bahawa mana-mana daripada mereka adalah tidak layak, adalah sah seolah-olah tiap-tiap orang sedemikian itu telah dilantik dengan sewajarnya dan layak menjadi anggota Majlis itu.

13. (1) Seseorang anggota Majlis hendaklah mengosongkan jawatannya jika—
- Pemberhentian sebagai anggota Majlis.
- (a) dia terhenti daripada menjadi *Fellow*;
 - (b) dia menjadi pegawai yang digaji oleh Akademi;
 - (c) dia meletakkan jawatannya; atau
 - (d) kecuali Presiden, dia dipecat daripada jawatannya melalui suatu resolusi yang diluluskan dalam suatu Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa Akademi.
- (2) Prosedur bagi pemecatan daripada jawatan anggota Majlis, kecuali Presiden, hendaklah ditentukan oleh Majlis.
14. Kewajipan Setiausaha Agung hendaklah termasuk—
- Kewajipan Setiausaha Agung.
- (a) merekodkan prosiding Akademi;
 - (b) menyimpan minit Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Luar Biasa Akademi dan lain-lain mesyuarat Majlis;
 - (c) menyelia pentadbiran Akademi;
 - (d) bertanggungjawab bagi segala surat-menyurat Akademi;
 - (e) menyimpan rekod Akademi dan menguruskan penerbitannya; dan
 - (f) apa-apa urusan lain yang tidak berhubungan dengan kewangan.
15. Kewajipan Bendahari hendaklah termasuk—
- Kewajipan Bendahari.
- (a) menerima apa-apa pembayaran wang kepada Akademi dan memasukkannya ke dalam akaun bank Akademi;
 - (b) membayar semua jumlah wang yang patut dibayar atau kena dibayar oleh Akademi, dengan menyimpan akaun yang sewajarnya mengenai semua resit dan pembayaran;
 - (c) menjadi penjaga buku akaun, dokumen sekuriti dan lain-lain harta Akademi;
 - (d) menyediakan belanjawan tahunan bagi kelulusan Majlis;
 - (e) mengemukakan di setiap mesyuarat Majlis suatu pernyataan akaun yang menunjukkan segala penerimaan dan perbelanjaan pada hari terakhir bulan mesyuarat;
 - (f) mendapatkan pemberian, hadiah dan sumber kewangan yang lain dengan kelulusan Presiden; dan
 - (g) apa-apa urusan lain berhubungan dengan kewangan.
16. Kewajipan-kewajipan lain Setiausaha Agung dan Bendahari hendaklah ditentukan oleh Majlis.
- Kewajipan-kewajipan lain.

BAHAGIAN V

KEWANGAN

- Kumpulan Wang. 17. Bagi maksud Akta ini, Majlis hendaklah menubuhkan, mentadbir dan mengawal suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai "Kumpulan Wang Akademi Sains Malaysia" ("Kumpulan Wang").
- Akaun bank. 18. (1) Segala bayaran yang diterima oleh Akademi hendaklah didepositkan kepada kredit Kumpulan Wang dengan bank atau bank-bank yang diluluskan oleh Majlis, dengan syarat bahawa Bendahari boleh menyimpan sebagai tunai runcit tidak melebihi lima ribu ringgit.
- (2) Segala cek atas akaun bank Akademi hendaklah, melainkan dan sehingga ditetapkan selainnya oleh Malis dari semasa ke semasa, ditandatangani oleh dua anggota Majlis, seorang daripadanya hendaklah Presiden atau naib Presiden dan yang lagi satu itu hendaklah Bendahari Kehormat atau Setiausaha Agung.
- Akaun Akademi. 19. Majlis hendaklah menyebabkan disimpan dan disenggara akaun sewajarnya dan rekod berhubungan dengan—
- (a) aset dan liabiliti Akademi; dan
- (b) wang yang diterima dan dibelanjakan oleh atau di bawah kuasa Majlis.
- Juruaudit. 20. Satu atau lebih juruaudit Akademi, yang akan dicadangkan oleh Majlis, hendaklah dilantik di Mesyuarat Agung Tahunan.
- Perbelanjaan perjalanan anggota. 21. (1) Anggota-anggota Majlis boleh memohon kepada Majlis bagi bayaran ganti kos tambang penerbangan yang dilakukan oleh mereka untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat Majlis.
- (2) Sebagai tambahan kepada bayaran ganti dalam subperaturan (1), anggota-anggota Majlis boleh menuntut kos perjalanan semalaman dan perbelanjaan sampingan yang timbul akibat daripada menghadiri mesyuarat-mesyuarat Majlis.
- (3) Anggota-anggota Majlis boleh mohon kepada Majlis bagi bayaran ganti perjalanan dan lain-lain perbelanjaan yang dilakukan oleh mereka apabila mewakili Akademi, dengan kelulusan Majlis, di mana-mana mesyuarat atau lain-lain Majlis.
- Tahun kewangan. 22. Tahun kewangan Akademi hendaklah berakhir pada 31 Disember.

BAHAGIAN VI

PINDAAN PERATURAN-PERATURAN

- Kuasa Majlis untuk membuat peraturan-peraturan. 23. (1) Majlis boleh membuat peraturan-peraturan baru atau meminda peraturan-peraturan yang sedia ada.

(2) Apa-apa peraturan boleh dibuat, dipinda atau dimansuh oleh dua per tiga majoriti anggota-anggota Majlis.

(3) Majlis hendaklah kemudiannya mengemukakan peraturan-peraturan atau pindaan-pindaan baru yang dicadangkan kepada peraturan-peraturan yang sedia ada kepada Menteri untuk kelulusannya.

(4) Atas kelulusan Menteri, apa-apa peraturan atau pindaan baru kepada peraturan-peraturan yang sedia ada hendaklah, sebaik sahaja ianya dibuat, diberitahu kepada semua anggota Akademi.

Dibuat pada 30 November 1995.
[KSTAS (U) 901/A; PN: (PU²) 547.]

TAN SRI DATUK DR. HAJI OMAR BIN ABDUL RAHMAN,
Presiden,
Majlis Akademi Sains Malaysia

Diluluskan pada 30 November 1995.
[KSTAS (R) 120/P003; PN. (PU²) 547.]

DATUK LAW HIENG DING,
Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

ACADEMY OF SCIENCE MALAYSIA ACT 1994

ACADEMY OF SCIENCES MALAYSIA REGULATIONS 1995

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement.
2. Interpretation.

PART II

MEMBERSHIP OF THE ACADEMY

3. Membership.
4. Election of Fellows.
5. Appointment of Senior Fellows.
6. Election of Honorary Fellows.
7. Cessation of membership.

PART III

GENERAL MEETINGS

8. General Meetings.
9. Annual General Meeting and Extraordinary General Meeting.
10. Ordinary General Meeting.

PART IV

THE COUNCIL

11. Election and appointment of Council members.
12. Powers and duties of the Council.
13. Cessation as Council member.
14. Duties of the Secretary-General.

Regulation

15. Duties of the Treasurer.
16. Other duties.

PART V

FINANCE

17. The Fund.
18. Bank accounts.
19. Accounts of the Academy.
20. Auditor.
21. Travelling expenses of members.
22. Financial year.

PART VI

AMENDMENT OF REGULATIONS

23. Council's powers to make regulations.

ACADEMY OF SCIENCES MALAYSIA ACT 1994

ACADEMY OF SCIENCES MALAYSIA REGULATIONS 1995

Act 524. In exercise of the powers conferred by section 22 of the Academy of Sciences Malaysia Act 1994, the Council of the Academy of Sciences Malaysia, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement. 1. These regulations may be cited as the Academy of Sciences Malaysia Regulations 1995 and shall be deemed to have come into force on 1 February 1995.

Interpretation. 2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—
“Academician” means a Fellow of the Academy of Sciences Malaysia who has been appointed a Senior Fellow;
“F.A. Sc.” means “Fellow of the Academy of Sciences Malaysia”;
“Fellow” means a Fellow of the Academy of Sciences Malaysia;
“President” means the President of the Academy of Sciences Malaysia.

PART II

MEMBERSHIP OF THE ACADEMY

Membership. 3. (1) The members of the Academy shall comprise Fellows and Honorary Fellows.

(2) Only Malaysian citizens are eligible to be Fellows.

(3) A Fellow is entitled to use the abbreviation “F.A. Sc.” after his name.

Election of Fellows. 4. (1) The election of Fellows shall take place at an Annual General Meeting of the Academy.

(2) The number of Fellows to be elected in any calendar year shall be determined from time to time by the Council.

(3) Fellows shall be elected by a majority of two-thirds of the Fellows present and voting.

(4) The Council shall determine the procedure for the nomination and election of Fellows.

5. (1) The Council may appoint, from amongst the Fellows of the Academy, Senior Fellows who shall be entitled to be addressed as "Academicians". Appointment of Senior Fellows.

(2) As provided for under subsection 10(4) of the Act, the appointment of Senior Fellows by the Council shall be based on the recommendation of a special panel comprising the President, Secretary-General and three non-members of the Academy who have been appointed by the Minister.

(3) The tenure of the special panel under subregulation (2) shall be for a period of three years.

(4) The chairman of the special panel shall not be a member of the Academy.

(5) The Council shall determine the procedure for the nomination of Senior Fellows.

6. (1) The Council may nominate for election as an Honorary Fellow, at an Annual General Meeting, a person who has made distinguished contribution to the practice of science, engineering or technology. Election of Honorary Fellows.

(2) A candidate whose name is submitted for election as an Honorary Fellow at an Annual General Meeting shall require, for his election, the approval of at least two-thirds of the Fellows present and voting.

(3) The Council shall determine the procedure for the nomination and election of Honorary Fellows.

7. (1) A member desiring to resign from the Academy shall give one calendar month's notice in writing to that effect to the Secretary-General. Cessation of membership.

(2) If, in the opinion of the Council, a member—

(a) has refused or neglected to comply with the provisions of the Act and the regulations made thereunder; or

(b) has been guilty of conduct unbecoming of a member or which is prejudicial to the interest of the Academy,

the Council may resolve that his membership be terminated by the Academy.

(3) The Council shall determine the procedure for the termination of membership.

PART III

GENERAL MEETINGS

- General Meetings. 8. General Meetings of the Academy shall consist of Annual General Meetings, Extraordinary General Meetings and Ordinary General Meetings.
- Annual General Meeting and Extraordinary General Meeting. 9. (1) The Annual General Meeting shall be held not later than 30 April of each calendar year and at such time and place as may be determined by the Council.
- (2) The business of the Annual General Meeting shall be—
- (a) the election of members of the Council;
 - (b) the election of members;
 - (c) the presentation and adoption of the Annual Report and the audited Statement of Accounts of the Academy for the previous financial year;
 - (d) the appointment of auditors to audit the accounts for the following year;
 - (e) the fixing of the remuneration of the auditors for the following year; and
 - (f) any other business which has been specified in the notice of the Annual General Meeting.
- (3) An Extraordinary General Meeting may be convened at any time by the Council and shall be convened by the Council on a requisition signed by not less than one-fifth of the total number of the Fellows of the Academy.
- (4) If the Council does not within thirty days from the date of receipt of the requisition duly convene an Extraordinary General Meeting, the members requesting the Meeting may, by themselves, within the next following thirty days, convene the Meeting.
- (5) No business shall be transacted at an Extraordinary General Meeting other than that which has been specified in the notice of the Extraordinary General Meeting.
- (6) All members shall be entitled to be present at an Annual General Meeting or Extraordinary General Meeting and to take part in the deliberation but only Fellows are entitled to vote on any business.
- (7) No business shall be transacted at an Annual General Meeting or Extraordinary General Meeting unless there is a quorum of twenty Fellows present at the time when the meeting proceeds to business.

(8) If within an hour from the time appointed for an Annual General Meeting a quorum is not present, the meeting shall be dissolved. It shall stand adjourned until the same day in the next week at the same time and place or to such other day and time as the Council may determine. If at the adjourned meeting a quorum is not present within an hour of the time appointed for the meeting the Fellows present shall constitute a quorum.

(9) If within an hour from the time appointed for an Extraordinary General Meeting a quorum is not present, the meeting shall be dissolved.

(10) (a) The President shall preside as chairman at every Annual General Meeting or Extraordinary General Meeting.

(b) If the President is absent or if the President is not present within one hour of the time appointed for the holding of the Meeting or is unwilling to act, the Vice-President shall preside as chairman of the Meeting.

(c) If the Vice-President is not present within one hour of the time appointed for the holding of the meeting or is unwilling to act, the Fellows present shall elect one of their number to be chairman of the Meeting.

(11) At any Annual General Meeting or Extraordinary General Meeting, a resolution, put to the vote of the Meeting, shall be decided by the show of hands unless a poll is demanded either by the chairman or by at least ten Fellows present in person.

(12) Unless a poll is so demanded as in subregulation (11), a declaration by the chairman that a resolution has, by a show of hands, been passed unanimously or passed by a particular majority or is not passed by a particular majority and entered accordingly in the book containing the minutes of proceedings of the Academy shall be conclusive evidence of the fact without having to prove the particulars of the number or proportion of the votes recorded in favour of, or against, the resolution.

(13) If a poll is duly demanded it shall be taken in such manner as the chairman directs and the result of the poll shall be the resolution of the Meeting at which the poll was demanded. However, a poll demanded on the election of a chairman shall be taken forthwith.

(14) In the case of an equality of votes whether by a show of hands or by poll, the chairman of the Meeting shall be entitled to a second or casting vote.

(15) A notice in writing, of an Annual General Meeting or Extraordinary General Meeting, specifying the date, place and time of the Meeting and including an agenda giving the substance of any general or special business to be transacted at the Meeting, shall be given to each member not less twenty-eight days prior to the date of the Meeting.

Ordinary General Meeting.

10. An Ordinary General Meeting of the Academy shall be held at such date, place and time as may be appointed by the Council to discuss scientific, engineering or technological matters, or other matters of concern to the members and shall be open to all Fellows, Honorary Fellows and such other persons as the Council may determine.

PART IV

THE COUNCIL

Election and appointment of Council members.

11. (1) Except for the post of President, a Fellow of the Academy may hold office as a member of the Council following:

- (a) his election as Vice-President, Secretary-General or Treasurer, as the case may be, by the Fellows at an Annual General Meeting;
- (b) election as the twelve other members of the Council by the Fellows at an Annual General Meeting; or
- (c) an appointment by the President to fill a casual vacancy.

(2) The procedure for the nomination and election of Council members shall be decided by the Council.

Powers and duties of the Council.

12. (1) The business of the Academy shall be managed by and vested in the Council which may exercise all the powers of the Academy as provided in the Act.

(2) The Council shall engage and terminate the engagement of all such officers and servants of the Academy as it considers necessary and shall fix their salaries and conditions of and regulate their duties.

(3) The Council shall maintain a roll of members in which shall be inscribed the names of all the members of the Academy.

- (4) The Council shall cause a written record to be made of—
- (a) all appointments of officers and servants as employees of the Academy;
 - (b) all names of members present at all meetings of the Academy and of the Council; and
 - (c) all proceedings and all meetings of the Academy and the Council.

(5) Minutes shall be signed as a correct record by the chairman of the meeting at which proceedings were held or by the chairman of the subsequent meeting.

(6) The Council shall appoint working committees and working groups, as and when it deems necessary, in order to facilitate the efficient and effective operation of the Academy. The Council shall draw up the procedure for the conduct of the working committees and working groups.

(7) The Council shall meet at such time and place as may be determined from time to time by it and, in the absence of any such determination, at the time and place as the Secretary-General, on the instructions of the President, shall notify to members of the Council.

(8) The Council shall meet at least four times in each calendar year.

(9) Eight members of the Council personally present shall constitute a quorum,

(10) At every meeting of the Council the President shall preside as chairman but if the President is unwilling to act or is absent the Vice-President shall preside. If the Vice-President is not willing to act or is not present, the members of the Council present may elect one of their number as chairman of the meeting provided that there is a quorum.

(11) A decision of the majority of the members of the Council present and voting at any meeting of the council shall be deemed to be a decision of the Council.

(12) The chairman or member presiding at any meeting of the Council shall have an original and a casting vote.

(13) Any act done by any meeting of the members of the Council or by any person acting as a member of the Council shall, despite that it be discovered later that there is some defect in the appointment of any such member of the Council or person acting as aforesaid or that any of them is disqualified, be as valid as if every such person has been duly appointed and qualified to be a member of the Council.

13. (1) A member of the Council shall vacate his office if—

Cessation as
Council member.

(a) he ceases to be a Fellow;

(b) he becomes a paid official of the Academy;

(c) he resigns his office; or

(d) except for the President, he is removed from office by a resolution passed in an Annual General Meeting or Extraordinary General Meeting of the Academy.

(2) The procedure for removal from office of a Council member, except the President, shall be determined by the Council.

Duties of the
Secretary General.

14. The duties of the Secretary-General shall include—

- (a) recording the proceedings of the Academy;
- (b) keeping minutes of the Annual General Meetings and Extraordinary General Meetings of the Academy and of other meetings of the Council;
- (c) overseeing the administration of the Academy;
- (d) being responsible for all correspondence of the Academy;
- (e) keeping the records of the Academy and organising its publications; and
- (f) any other business not relating to finance.

Duties of the
Treasurer.

15. The duties of the Treasurer shall include—

- (a) the receipt of any payment of money to the Academy and banking it into the bank account of the Academy;
- (b) disbursing all sums due from or payable by the Academy, keeping proper accounts of all such receipts and payment;
- (c) being custodian of the books of account, security documents and other property of the Academy;
- (d) preparing the annual budget for approval by the Council;
- (e) presenting at each Council meeting a statement of account showing all receipts and expenditure as on the last day of the month preceding the meeting;
- (f) seeking grants, gifts, and other sources of finance with the approval of the President; and
- (g) any other business relating to finance.

Other duties.

16. The other duties of the Secretary-General and Treasurer shall be determined by the Council.

PART V

FINANCE

The Fund.

17. For the purposes of the Act, the Council shall establish, administer and control a fund to be known as the "Academy of Sciences Malaysia Fund" ("the Fund").

18. (1) All payments received by the Academy shall be deposited to the credit of the Fund with a bank or banks approved by the Council, provided that the Treasurer may keep as petty cash a sum not exceeding five thousand ringgit. Bank accounts.

(2) All cheques on the bank accounts of the Academy shall, unless and until otherwise resolved by the Council from time to time, be signed by two members of the Council, one of whom shall be the President or Vice-President and the other the Honorary Treasurer or Secretary-General.

19. The Council shall cause to be kept and maintained proper accounts and records relating to— Accounts of the Academy.

(a) the assets and liabilities of the Academy; and

(b) money received and expended by or under the authority of the Council.

20. One or more auditors of the Academy, who may be proposed by the Council, shall be appointed at the Annual General Meeting. Auditor.

21. (1) Members of the Council may apply to the Council for reimbursement of the cost of any airfare incurred by them for attendance at Council meetings. Travelling expenses of members.

(2) In addition to the reimbursement in subregulation (1), members of the Council may claim the cost of overnight accommodation and incidental expenses arising from attendance at Council meetings.

(3) Members of the Council may apply to the Council for reimbursement of travelling and other expenses incurred by them when representing the Academy, with the approval of the Council, at any meeting or other function.

22. The financial year of the Academy shall end on 31 December. Financial year.

PART VI

AMENDMENT OF REGULATIONS

23. (1) The Council may make new regulations or amend existing regulations. Council's powers to make regulations.

(2) Any regulations may be made, amended or repealed by a two-thirds majority of the Council members.

(3) The Council shall then submit the proposed new regulations or amendments to existing regulations to the Minister for his approval.

(4) Upon approval by the Minister, any new regulations or amendments to existing regulations shall, as soon as they are made, be notified to all members of the Academy.

Made 30 November 1995.
[KSTAS (U) 901/A PN. (PU²) 547.]

TAN SRI DATUK DR. HAJI OMAR BIN ABDUL RAHMAN,
President,
Council of the Academy of Sciences Malaysia

Approved 30 November 1995.
[KSTAS (R) 120/P003; PN. (PU²) 547.]

DATUK LAW HIENG DING,
Minister of Science, Technology and the Environment



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
IBU PEJABAT, KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA